

**LEMBARAN PENYATAAN PRODUK**

Sila baca dan fahami Lembaran Penyataan Produk (PDS) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih produk Akaun Penyimpanan-i TRUE. Pastikan juga anda membaca dan fahami Terma dan Syarat Khusus Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah dan Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE. Anda dengan ini diingatkan untuk sentiasa bertanya dan mendapatkan nasihat guaman sendiri. Sila rujuk kepada wakil AmBank Islamic Berhad yang diberi kuasa jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini.

**AmBank Islamic Berhad**  
**Akaun Penyimpanan-i TRUE**

[Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit]

**Tarikh Kuat Kuasa: 18 Mac 2025**

**1. Apakah produk ini?**

Akaun Penyimpanan-i TRUE ialah produk deposit berasaskan kontrak Syariah Komoditi Murabahah. Produk ini memberi anda fleksibiliti untuk mencapai matlamat simpanan anda dengan lebih pantas dengan memberi ganjaran kepada anda dengan kadar keuntungan bonus apabila anda menyimpan, berbelanja/bayar dan melabur/melindungi dengan Bank.

**2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai?**

- Kontrak Syariah yang diguna pakai adalah Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq. Tawarruq bermaksud dua kontrak jual beli di mana yang pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli atas dasar tertanggung dan jualan yang berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
- Kontrak Syariah seperti Murabahah, Wakalah, dan Hamish Jiddiyah yang digabungkan dengan Wa'd juga digunakan dalam aturan ini.
- Murabahah (Kontrak Kos tambah Untung) bermaksud jual beli aset di mana kos pembelian dan untung dinyatakan kepada pembeli.
- Wakalah (Kontrak Perwakilan) merujuk kepada suatu kontrak di mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal yang boleh diwakilkan dengan bayaran atau tidak. Di bawah kontrak Wakalah, Pelanggan melantik AmBank Islamic ('Bank') sebagai ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah pada masa yang ditetapkan bagi pihak Pelanggan. Pelanggan akan melantik Bank untuk membeli komoditi bagi pihaknya dan selepas itu menjual komoditi kepada Bank (di mana Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan.
- Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti) merujuk kepada deposit sekuriti yang diletakkan oleh Bank sebagai cagaran bagi aku janji untuk membeli komoditi itu sebelum pelaksanaan kontrak jual beli. Ia hanya terpakai apabila terdapat apa-apa penambahan bersih deposit semasa hari terakhir bulan di mana pembelian komoditi hanya akan dijalankan pada hari yang berikutnya.
- Wa'd (Aku Janji/Janji) adalah janji atau aku janji, diberikan oleh Bank kepada Pelanggan untuk melakukan tindakan tertentu pada masa akan datang.

Bagaimana aturan ini berlaku?

- i. Semasa membuka akaun, anda melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi ("Komoditi") yang patuh Syariah daripada mana-mana pihak ketiga dan sesudah itu menjual komoditi tersebut kepada Bank.
  - ii. Bank bertindak sebagai ejen akan membeli Komoditi bagi pihak anda setelah menerima wang bagi Harga Belian yang bersamaan dengan penambahan bersih. Anda berhak untuk meminta dan mengambil penghantaran fizikal komoditi pada kos dan perbelanjaan anda sendiri.
  - iii. Selepas itu, Bank, atas kapasitinya sendiri akan membeli komoditi daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada harga pembelian dan keuntungan bumbung yang akan dibayar kepada anda apabila matang.
  - iv. Selepas itu, Bank boleh menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.
- Kontrak jualan dan pembelian dalam susunan Tawarruq akan dilaksanakan semasa penempatan permulaan deposit, apabila terdapat penambahan bersih deposit dan semasa pembaharuan deposit pada akhir tempoh.
  - Jenis aset yang digunakan dalam produk ini adalah komoditi patuh Syariah yang didagangkan dalam platform yang diluluskan oleh Bank yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, minyak sawit mentah, kimia oleo, getah, koko dan produk soya atau komoditi lain yang diterima (kecuali barangan ribawi di dalam kategori alat pertukaran seperti matawang, emas dan perak).

**3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?**

- Anda akan menikmati fleksibiliti untuk memperoleh kadar asas (Kadar Asas) dan juga layak untuk memperoleh kadar bonus (Kadar Bonus) yang menarik seperti yang dibentangkan di bawah.

Kadar		Kadar Asas/Kadar Keuntungan Setahun				
Kadar Asas Akruan Harian	Amaun (RM)		Kadar Asas (setahun)			
	Semua Baki		0.15%			
- Kadar asas dikira pada Baki Terakhir harian dan akan dikreditkan pada akhir setiap bulan.						
Kadar Bonus	Kategori	Kriteria	Kadar Bonus (setahun)	Prasyarat	Bulan dikreditkan Kadar Bonus	Baki Purata Bulanan (BPB) untuk menikmati Kadar Bonus
	(A) Deposit	Deposit sekurang-kurangnya RM3,000 dalam transaksi tunggal setiap bulan ke Akaun Penyimpan-i TRUE.	1.30% setahun		Kadar Bonus akan dikreditkan setiap bulan kepada Akaun Penyimpan-i TRUE Pelanggan dalam masa lima (5) minggu selepas setiap bulan transaksi terakhir.	RM100,000
	(B) Belanja <sup>1</sup> / Bayar	Melakukan minimum 3 transaksi (perbelanjaan kumulatif RM1,0000 setiap bulan) pembayaran bil/ transaksi runcit/ e-Tunai tambah nilai sahaja) melalui AmOnline / Kad Debit/ Kad Kredit/ Kad Kredit-i Pembayaran DuitNow QR kepada Pedagang (P2M).  <b>Nota1:</b> Minimum amaun kumulatif perbelanjaan sebanyak RM1,000 setiap bulan.  <b>ATAU</b>  Melakukan pembayaran bulanan (dengan sebarang jumlah) pembiayaan rumah daripada Akaun Penyimpan-i TRUE kepada akaun pembiayaan rumah AmBank Islamic.	0.80% setahun	Pelanggan mesti memenuhi kriteria dalam Kategori "(A) Deposit" untuk menikmati Kadar Bonus dalam Kategori "(B) Belanja / Bayar" dan "(C) Pelaburan atau Takaful"	Contoh: Jika deposit dibuat pada bulan September, Kadar Bonus akan dibayar dalam masa lima (5) minggu bermula dari 30 September mengikut BPB September.	
	(C) Pelaburan / Takaful	Membeli unit amanah patuh Syariah ("UA") yang terpilih dengan minimum RM5,000 pelaburan, atau;  Membeli Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum sumbangan tahunan RM2,400.	2.00% setahun		Kadar Bonus akan dikreditkan kepada Akaun Penyimpan-i TRUE Pelanggan dalam masa lima (5) minggu dari permulaan SETIAP UA Patuh Syariah atau Sijil Takaful.	RM30,000
Membeli unit amanah patuh Syariah yang terpilih dengan minimum RM10,000 pelaburan, atau; Membeli Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum sumbangan tahunan RM3, 600.		4.00% setahun		Contoh: Jika UA Patuh Syariah pelaburan/ pembelian Sijil Takaful dilaksana pada 15 September (selepas tempoh bertenang), Kadar Bonus akan dibayar dalam masa lima (5) minggu bermula dari 15		

September mengikut BPB September.

- Sekiranya Pelanggan memegang dua (2) atau lebih Akaun Penyimpan-i TRUE, Kadar Bonus akan diberikan kepada Akaun Penyimpan-i TRUE yang mengekalkan baki tertinggi pada bulan tersebut.
- Sila rujuk kepada Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Penyimpan TRUE/Akaun Penyimpan-i TRUE untuk maklumat lanjut.
- Senarai UA patuh Syariah terpilih boleh didapati di <https://www.ambank.com.my/eng/Wealth-Digest>.

\*Kadar tertakluk kepada perubahan

- Anda juga akan menikmati ciri produk yang berikut:
  - Tiada yuran akaun tahunan
  - Kad debit akan dikeluarkan kepada Pelanggan tanpa kad debit apabila memohon untuk membuka akaun ini.
  - Nikmati kemudahan untuk mengaktifkan kad debit melalui AmOnline.
  - Akses penyata bulanan (sehingga 6 bulan terakhir) melalui AmOnline.
  - Maklumat akaun di hujung jari anda dengan kemudahan perbankan Internet.
  - Notis Tawarruq Tahunan disediakan atas permintaan Pelanggan di cawangan.
- **Pengiraan Baki Purata Bulanan (BPB)**

$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari sejak bulan tertentu}} = \text{BPB}$$

**Contoh:**

$$\frac{\text{RM3,000 (1 Okt) + RM3,000 (2 Okt) + ..... + RM3,000 (31 Okt)}}{31 \text{ hari}} = \text{RM3,000}$$

- **Pengiraan Kadar Bonus**

$$\frac{\text{BPB} \times \text{Jumlah Kadar Bonus} \times \text{Bilangan Hari dalam bulan tertentu}}{365 \text{ hari}} = \text{Kadar Bonus}$$

### Ilustrasi

Senario		Kelayakan	Jumlah Kadar Bonus yang diperolehi (setahun)	Keuntungan Bonus yang diperolehi (RM)
A	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi.	Ya	1.30% setahun	<b>Oktober BPB: RM10,000</b> (RM10,000 x 1.30% x 31 hari) / 365 hari = <b>RM11.04</b>
	Melakukan 2 transaksi dengan perbelanjaan kumulatif RM300 untuk bulan Oktober (contoh: 2 pembayaran bil melalui AmOnline/ Kad Debit AmBank/ Kad Kredit AmBank/ Kad Kredit-i AmBank Islamic)	Tidak		
B	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi.	Ya	6.10% setahun	<b>Sept BPB: RM40,000</b>  <b>Kategori A + B</b> (RM40,000 x 2.10% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM69.04</b>  <b>Kategori C</b> (RM30,000 x 4.00% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM98.63</b>  <b>Jumlah Keuntungan yang diterima</b> RM69.04 + RM98.63 = <b>RM167.67</b>
	Melakukan RM200 bayaran pembiayaan rumah daripada Akaun Penyimpan-i TRUE pada bulan September.	Ya		
C	Membeli salah satu Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum tahunan sumbangan RM3,600.	Ya	NIL	NIL
	Deposit RM1,000 dalam satu (1) transaksi.	Tidak		
	Melakukan 3 transaksi dengan perbelanjaan jumlah kumulatif RM500 (contoh: e-Tunai tambah nilai melalui AmOnline dan 2 pembayaran bil melalui Kad Kredit AmBank/ Kad Kredit-i AmBank Islamic).	Tidak		

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

A member of the AmBank Group

	Melabur UA Patuh Syariah yang terpilih dengan minimum RM10,000 pelaburan.	Tidak		
D	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi.	Ya	3.30% setahun	<b>Nov BPB: RM10,000</b>
	Melakukan 1 transaksi dengan jumlah kumulatif RM1,000 untuk bulan November (contoh: 1 bil pembayaran melalui Kad Kredit AmBank/ Kad Kredit-i AmBank Islamic).	Tidak		<u>Kategori A</u> (RM10,000 x 1.30% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM10.68</b>
	Membeli salah satu Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum sumbangan tahunan RM2,400.	Ya		<u>Kategori C</u> (RM10,000 x 2.00% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM16.44</b>  <u>Jumlah Keuntungan yang diterima</u> RM10.68 + RM16.44 = <b>RM27.12</b>

- Contoh ilustrasi pengiraan keuntungan, Ibra' (Rebat) dan Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti) untuk Senario D di atas adalah seperti di bawah:

Kadar Keuntungan Bumbung (KKU) = 6.25% setahun  
Kadar Keuntungan Berkesan (KKB) = 0.15% setahun  
Kadar Bonus = 3.30% setahun  
Jumlah Keuntungan Yang Layak = 3.45% setahun  
Amaun Permulaan Deposit = RM10,000  
Tarikh Deposit = 1 November 2022

Tarikh Perdagangan	Simpanan (+) / Pengeluaran (-) (RM)	Peningkatan Bersih/Harga Pembelian (RM)	Baki Hari Akhir (RM)	Bilangan Hari	Bilangan Hari Berbaki Sehingga 31 Dec 2022	Keuntungan Akruan Harian (RM)	Keuntungan Bonus (RM)	Keuntungan Bumbung (RM)	Harga Jualan (RM)	Hamish Jiddiyah (RM)
		(a)	(b)	(c)	(d)	(b x KKB x c/365 or 366)		(a x KKU x d/365 or 366)	(a + Keuntungan Bumbung)	(RM)
01-Nov-22	10,000	10,000	10,000	28	60	1.15	0	102.74	10,102.74	
29-Nov-22	-5,000	-	5,000	1	32	0.02	0	-	0.00	-
30-Nov-22	10,000	10,000	15,000	1	31	0.06	27.12	53.08	10,053.08	0.04
<b>Jumlah</b>										
<b>Jumlah Keuntungan Dibayar (RM)</b>							<b>28.35</b>			

Berdasarkan ilustrasi di atas, Kadar Keuntungan Akruan Harian adalah dikira mengikut formula:

**Jumlah Keuntungan Akruan Harian = Baki Akhir Harian x Kadar Keuntungan Akruan x (Bilangan Hari / 365 atau 366)**

Keuntungan Akruan Harian berjumlah RM1.23 akan dikreditkan ke akaun anda pada setiap bulan.

Manakala bagi Keuntungan Bonus, ianya dikira mengikut formula:

**Keuntungan Bonus = BPB x Jumlah Kadar Bonus x Bilangan hari dalam bulan tertentu/ 365 atau 366 hari**

Jumlah Keuntungan Bonus berjumlah RM27.12 akan dikreditkan secara bulanan ke akaun anda dalam tempoh lima (5) minggu selepas berakhirnya setiap bulan transaksi.

Jumlah Keuntungan Dibayar berjumlah RM28.35 akan dikreditkan ke akaun anda.

**Untuk mengelakkan keraguan, Jumlah Keuntungan Dibayar = Jumlah Keuntungan Akruan Harian / Kadar Asas + Keuntungan Bonus**

Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti) berjumlah RM0.04 juga akan dikreditkan ke dalam akaun.

**Ibra' (Rebat) = Keuntungan Bumbung Agregat – Keuntungan Agregat Dikreditkan**

Pada 31 Disember 2022, jumlah amaun Ibra' (Rebat) yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank adalah RM127.47 yang mana agregat keuntungan bumbung tolak agregat keuntungan yang dikreditkan.

**Ibra' (Rebat) = RM155.82 – RM28.35 = RM127.47**

Nota: Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sila rujuk melalui <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges> untuk kadar terkini.

#### 4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang harus saya ketahui?

- Layak untuk individu runcit berumur 18 tahun ke atas.
- Deposit permulaan minimum untuk pembukaan akaun di kaunter ialah RM20.
- Terma Dan Syarat Umum bagi Akaun Dan Perkhidmatan, Terma Dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/ Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah dan Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Penyimpan TRUE/Akaun Penyimpan-i TRUE boleh dilayari di <https://www.ambank.com.my/terms-and-conditions>
- Pelantikan Bank sebagai ejen di bawah kontrak Wakalah akan ditamatkan sesudah akaun ditutup dan pengeluaran semua deposit dan/atau baki kredit dalam akaun. Di samping itu, Bank akan membayar Harga Jualan tertunggak iaitu amaun deposit dan keuntungan terakru (jika berkenaan), dengan mengambil kira rebat berkaitan, jika ada, kepada Pelanggan pada tarikh penamatan.
- Bank dengan ini memberi Pelanggan suatu aku janji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan (apabila selesai transaksi awal pembelian Komoditi oleh Pelanggan) pada Harga Jualan yang dipersetujui (Harga Belian + Keuntungan Bumbung) yang ditentukan semasa penempatan deposit, tertakluk kepada Terma dan Syarat Khusus.
- Keuntungan Bumbung akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Keuntungan Bumbung} = \text{Harga Belian} \times \text{KKU} \times \frac{n}{365 \text{ atau } 366}$$

Yang mana;

Harga Belian = amaun yang bersamaan dengan Penambahan Bersih Pelanggan yang akan digunakan untuk membeli komoditi pada hari perdagangan.

KKU = Kadar Keuntungan Bumbung yang akan ditentukan oleh Bank.

n = bilangan baki hari bagi tahun tersebut.

- Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti) akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Hamish Jiddiyah (Deposit Sekuriti)} = \text{Penambahan Bersih} \times \text{KKB} \times \frac{n}{365 \text{ atau } 366}$$

Yang mana,

n = bilangan hari sebelum dagangan komoditi yang berlaku sebelum tarikh pengkreditan keuntungan.

Penambahan Bersih = perbezaan positif deposit harian selepas ditolak pengeluaran harian.

- Ibra' (Rebat) bermaksud "penepian hak tuntutan" yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang perlu dibayar kepadanya. Rebate diberikan oleh Pelanggan kepada Bank pada harga jualan yang mencerminkan perbezaan antara keuntungan bumbung dan kadar keuntungan berkesan.

Pelanggan bersetuju memberi rebat ke atas harga jualan kepada Bank dalam mana-mana keadaan berikut:

- Pengeluaran dana sebelum tarikh matang; atau
- Selepas penamatan atau penutupan akaun sebelum tarikh matang; atau
- Jika terdapat perbezaan antara kadar keuntungan bumbung dan kadar keuntungan berkesan ditambah kadar bonus pada tarikh matang.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

Yuran dan caj seperti yang dinyatakan di bawah adalah sebahagian daripada yuran dan caj. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk melalui <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges>

Yuran dan Caj	Jumlah
Penutupan Akaun (dalam masa 3 bulan selepas dibuka)	RM20.00
Yuran Tahunan Akaun Dorman	RM10.00

Nota: Sebut harga yuran dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk sebarang cukai (jika terpakai) yang akan ditanggung oleh Pelanggan. Sekiranya terdapat sebarang cukai yang akan dikenakan di atas yuran dan caj yang dinyatakan, Bank berhak untuk mengubah jumlah yang perlu dibayar dengan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pelaksanaan tersebut.

**6. Apakah risiko yang terlibat?**

Pelanggan akan mengalami risiko biasa yang berkaitan dengan melaksanakan transaksi deposit atau bila menggunakan ATM dengan mana-mana institusi perbankan. Sekiranya Pelanggan memerlukan bantuan yang disebabkan oleh sebarang risiko nyata, sila rujuk kepada maklumat di bawah.

**7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-2178 8888, beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam.

**8. Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?**

(a) Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Islamic Berhad  
Pusat Panggilan - Penyelesaian Sehenti  
Tingkat 18, Menara AmBank,  
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel.: 03-2178 8888  
E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

(b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel.: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
Laman Web: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

**9. Produk Akaun Simpanan-i AmBank Islamic lain yang tersedia:**

Sila rujuk <https://www.ambank.com.my/deposit/saving-accounts> untuk senarai akaun simpanan.

Maklumat yang disediakan dalam PDS ini adalah sah dari 18 Mac 2025 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk maklumat terkini.

Saya/Kami dengan sewajarnya mengakui bahawa syarat kontrak utama dan tanggungjawab kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

.....  
Nama:  
No Kad Pengenalan:  
Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak,

.....  
(Penandatangan/ Pengarah yang diberi kuasa)  
Nama Syarikat:  
No. Pendaftaran Syarikat:  
Tarikh: